

Jangan takut hadapi tahun akhir DEB

12 APR 1991

Transkrip temuramah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan RTM di Angkasapuri pada 12 April 1991.

APAKAH pendirian kerajaan terhadap Dasar Ekonomi selepas 1990?

Pendirian kerajaan ialah usaha untuk membentuk satu masyarakat yang lebih seimbang perlu diteruskan. Di samping itu, kita mestilah teruskan juga usaha-usaha membasmi kemiskinan. Jadi ini tidak berubah. Yang berubah mungkin pendekatan atau *approach*.

Setelah 20 tahun melaksanakan dasar Ekonomi Baru, kita telah mencipta pelbagai cara untuk mencapai matlamat kita. Sesetengah daripada cara-cara itu jelas tidak berkesan dan tidak mendatangkan hasil. Cara-cara itu harus digugurkan. Cara-cara yang berkesan akan dikekalkan. Dalam pada itu, kita juga akan membentuk pendekatan-pendekatan baru lebih berkeupayaan untuk menolong kita mencapai hasrat kita.

Apakah pendekatan baru yang dimaksudkan oleh Datuk Seri itu?

Saya telah terangkan dalam satu ucapan kepada Harvard Club baru-baru ini bahawa kita terlalu menumpukan sangat kepada pemilikan harta, tetapi tidak kepada pengurusan atau pengendalian harta itu. Justeru itu, kita telah mengambil bermacam-macam tindakan untuk memberi kepada Bumiputera bahagian mereka. Malangnya, oleh kerana mereka tidak tahu menguruskan harta, maka harta itu hilang dari tangan mereka. Dengan itu, kita tidak dapat mencapai matlamat kita. Jadi, kalau kita memberi, walaupun sedikit, tetapi dianya kekal, ini lebih baik daripada memberi dengan banyak, tetapi keesokan harinya hilang daripada tangan Bumiputera. Dengan itu, keadaan yang tidak seimbang akan berkekalan.

Apakah objektif serampang dua mata, iaitu membasmi kemiskinan dan juga menyusun semula masyarakat masih dikekalkan?

lagi MAPEN sepenuhnya. Sebahagian daripada mereka yang sepatutnya ada dalam MAPEN telah keluar. Dengan ini, kita percaya bahawa apa juga yang dibuat oleh kerajaan, pihak ini akan mengancam kerana pada awal-awal lagi mereka telah menyelamatkan diri mereka daripada komitmen kepada apa juga keputusan. Dengan perkataan lain, mereka lebih mengutamakan kepentingan politik mereka daripada kebaikan negara.

Apakah Dasar baru ini sama dengan wawasan 2020 seperti yang dikatakan oleh Datuk Seri?

Hendak kata tidak sama pun tidak boleh dan hendak kata sama pun tidak boleh. Dalam sebuah negara yang maju, kalau Bumiputera tidak dapat memainkan peranan yang sepatutnya, maka itu

● Kita harap boleh capai matlamat pada hujung abad ini. Tetapi kita tidak mahu mengikat diri kepada satu tempoh waktu untuk mencapai 30 peratus. Ini kerana seperti yang saya katakan tadi, kalau pada tahun 2000 kita capai 30 peratus, tetapi pada tahun 2001 yang 30 peratus itu hilang daripada tangan kita, kerana kita tidak tahu bagaimana memelihara harta kita, jadi ia tidak memberi makna ●

Saya tidak tahu apa lagi yang hendak saya buat. Kalau ada siaran TV 24 jam, TV boleh ikut saya dan tunjukkan semua yang saya buat. Barangkali baru orang akan percaya. Orang yang menyebarkan berita-berita angin ini mungkin berjudi dalam *Stock Exchange*, dan mereka akan membuat apa sahaja untuk mendapat keuntungan daripada jual-jual saham.

Apakah pandangan Datuk Seri tentang khabar-khabar angin macam ini?

Saya tidak tahulah apa hendak kata. Barangkali boleh tanya musuh-musuh saya. Umpamanya, ada orang yang walaupun saya tidak sakit, dia kata sakit juga. Orang ini nampaknya lebih pandai daripada doktor. Tetapi, pada pendapat saya,

Ya, unsur-unsur itu akan dikekalkan.

Apakah ada tempoh tertentu macam DEB yang lama untuk mencapai satu-satu kejayaan itu?

Kita harap kita boleh mencapai matlamat kita pada penghujung abad ini. Tetapi kita tidak mahu mengikatkan diri kita kepada satu tempoh waktu untuk mencapai 30 peratus. Ini kerana seperti yang saya katakan tadi, kalau pun pada tahun 2000 kita telah mencapai 30 peratus, tetapi pada tahun 2001 yang 30 peratus itu hilang daripada tangan kita, kerana kita tidak tahu bagaimana memelihara harta kita, jadi ia tidak memberi makna. Kalau pun tidak tercapai 30 peratus pada tahun 2000, tetapi yang kurang itu dapat dikekalkan dan dapat ditingkatkan, maka ini lebih baik lagi daripada menentukan kita mesti capai 30 peratus. Bagaimanapun usaha untuk mencapai matlamat ini mesti diteruskan. Kita tidak boleh kata tak apalah kalau kita tidak dapat 30 peratus pun, dan dengan itu kita tidak berusaha ke arah itu. Itu tidak baik. Kita hendaklah terus berusaha ke arah itu, tetapi usaha kita hendaklah lebih berkesan lagi.

Apakah Dasar baru ini akan mengambil kira juga cadangan daripada MAPEN Datuk Seri?

Banyak cadangan daripada MAPEN yang boleh diterima oleh kerajaan dan kerajaan tetap akan menerimanya. Tetapi ada cadangan-cadangan yang pada pendapat kerajaan mungkin tidak akan menolong mencapai matlamat kerajaan.

Kita tahu bahawa MAPEN ini sebenarnya tidak

bukan menjadi wawasan kita. Apa yang kita hendak ialah dalam tahun 2020, semua rakyat Malaysia akan mendapat bahagian mereka.

Datuk Seri, nampaknya sekarang ini orang Melayu begitu takut sekali apabila DEB telah tamat. Jadi apakah kepentingan Bumiputera akan terus dikekalkan?

Saya tidak nampak kenapa mereka harus khuatir. Kalau pun kita mempunyai dasar, tetapi kita tidak dapat mencapai matlamat dasar itu ianya tidak mempunyai makna. Kita selalunya lebih cenderung kepada rupa, dan tidak kepada isinya. Dengan mengadakan DEB sahaja, tetapi matlamatnya tidak tercapai tidak ada makna. Yang lebih penting ialah mengisi dasar itu. Mengisi dasar itu memerlukan beberapa tindakan. Dan inilah yang patut diutamakan. Dan saya ingin tegaskan di sini bahawa jika dengan Kerajaan sahaja memikul beban dan bertindak melaksanakannya ini tidak akan membawa apa-apa kesan sama sekali. Ia memerlukan kerjasama semua pihak -- Bumiputera, bukan Bumiputera, Kerajaan. Yang penting sekali ialah Bumiputera perlu membetulkan kelemahan-kelemahan yang ada pada mereka. Kalau mereka tidak sanggup, maka seribu dasar sekali pun tidak akan membawa apa-apa kesan.

Dahulu ada orang kata Datuk Seri sakit dan Datuk Seri pun telah menjelaskannya. Tetapi sekarang ini timbul lagi khabar-khabar angin yang menyatakan Datuk Seri sakit?

yang memiliki tubuh badan ini, saya berasa sihat dan boleh buat kerja macam orang lain juga.

Apakah ada orang-orang tertentu di luar negara yang menimbulkan perkara ini?

Mungkin ada pihak yang berkepentingan di negara asing mahu memburukkan keadaan dalam negara kita. Ini kerana negara kita diakui sebagai sebuah negara yang mencapai kejayaan dalam hampir semua bidang — perhubungan baik antara kaum, pertumbuhan ekonomi, keadaan kewangan yang baik dan sebagainya. Ini mungkin menimbulkan perasaan iri hati. Umpamanya, walaupun kita telah memperindahkan Kuala Lumpur sehingga menjadi sebuah bandar yang hijau dan cantik, ada yang berusaha untuk menyatakan bahawa walaupun bandaraya kita cantik, tetapi sebenarnya ada keburukan. Orang yang semacam ini kita tidak boleh buat apa-apa kerana tabiat dia sudah macam itu. Orang macam ini tidak pernah nampak benda yang baik langsung kerana dia mencari yang buruk sahaja.

Jadi adakah ini satu cara untuk menjatuhkan Datuk Seri?

Mungkin, saya tidak tahulah. Sudah lama ramai orang hendak menjatuhkan saya. Kalau sudah sampai masanya saya jatuh, saya jatuhlah. Tetapi kalau belum sampai masanya, saya tidak akan jatuh. Mereka boleh terus serang, tetapi saya akan terus mempertahankan diri saya.